

PRESS CLIPPING

DATE : APRIL 12, 2019
MEDIA : BERITA HARIAN (PART 1)
SECTION : COVER PAGE
PAGE : 1
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : N/A



BH
Berita Harian
MERENTAS GENERASI
www.bharian.com.my

Dividen LTAT lewat bayar

BANGUNAN LTAT

Kepincangan laporan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bagi 2017 dan 2018 membabitkan dua urus niaga tidak mematuhi piawaian pelaporan kewangan Jabatan Audit Negara yang disediakan pengurusan terdahulu menjadi punca pembayaran dividen untuk 2018 lewat

→ Ms.8

PRESS CLIPPING

DATE : APRIL 12, 2019
MEDIA : BERITA HARIAN (PART 2)
SECTION : ISU
PAGE : 8
COLOUR : FULL COLOUR
EXPOSURE VALUE : N/A

'Bayaran dividen LTAT terpaksa dilewatkan'

➔ Wujud kepincangan dalam laporan kewangan 2017, 2018

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Nasaruddin Parzi, Luqman Ariff Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) terpaksa melewatkan pembayarannya kepada pencarumnya, berikutan kepincangan Laporan Kewangan 2017 dan 2018 yang disediakan oleh pengurusan sebelum ini.

Pengurusan terdahulu LTAT dikecualikan membuat dua urus niaga yang tidak mematuhi piawaian pelaporan kewangan, yang ditetapkan Jabatan Audit Negara.

Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amlizan Mohamed, berkata berdasarkan teguran Jabatan Audit Negara bagi Laporan Kewangan LTAT 2017 yang diterimanya pada Oktober lalu, dua transaksi penjualan tanah berjumlah RM202.71 juta sepatutnya tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan pada 2017.

Penjualan berkenaan katanya, membabitkan sebidang tanah di Jalan Cochrane dan Bukit Jalil di sini, diambil kira sebagai penda-

patan pada 2017 dan sudah diambil kira sebagai pengiraan dividen bagi 2017, yang diisytiharkan pada Mac tahun lalu.

Tak penuhi kriteria

"Transaksi ini tidak boleh diiktiraf selaras dengan Laporan Kewangan 118 berkaitan Pendapatan Jabatan Audit Negara kerana kriteria pengiktirafan pendapatan tidak dipenuhi.

"Syarat penjualan tanah itu belum dipenuhi dan penjualannya belum dimuktamadkan (pada 2017), sekali gus pendapatan tidak boleh diambil kira," katanya di Lobi Parlimen, semalam.

Yang turut hadir pada sidang media itu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Timbalannya, Liew Chin Tong.

Pencarum Wajib LTAT terdiri daripada pegawai tetap ATM, dengan kadar caruman bulanan yang diwajibkan sebanyak 10 peratus daripada gaji bulanan dan 15 peratus sumbangan kerajaan secara tetap.

Mengulas lanjut, Nik Amlizan berkata, urus niaga kedua yang dikesan pincang pula membabitkan rosot nilai yang tidak dikira daripada dua pelaburan dana itu, iaitu Dayang Enterprise Holdings



Mohamad bersama Nik Amlizan dan Chin Tong pada sidang media di Parlimen, semalam.

Bhd dan Sapura Energy Bhd.

"Nilai saksama kedua-dua saham berkenaan RM18.46 juta, berbanding kos pembelian RM107.36 juta.

"Ini memberi kesan terhadap Laporan Kewangan 2017 yang mana pada akhir 2017, keuntungan terkumpul yang sebelum ini diumumkan sebanyak RM259 juta sebenarnya adalah kerugian terkumpul RM31.6 juta," katanya.

Berikutan kepincangan berkenaan, Nik Amlizan berkata, pengu- rusan baharu perlu mengambil masa untuk mengemas kini Laporan Kewangan 2017 dan 2018.

"Ia akan mengambil sedikit masa kerana kami mahu menentukan akaun itu tepat, supaya dapat meneruskan dan membuat komitmen pengumuman Laporan Kewangan 2018 dan dividen seperti disebut menteri, iaitu selewat-lewatnya Julai ini," katanya.

Beliau berkata, LTAT tetap komited dalam menjaga kebajikan anggota tentera dan sedia menambah baik struktur penguru-

san, bagi membolehkan agensi itu kekal di landasan memberi perkhidmatan yang baik kepada anggota tentera.

Semakan semula laporan

Terdahulu, pada sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat, Mohamad Sabu berkata, semakan semula penyata kewangan LTAT bagi 2017 terpaksa dibuat kerana terdapat dua kesilapan dalam penyata tahun itu, termasuk RM202 juta yang diisytihar sebagai pendapatan hasil jualan tanah.

"Penjualan (tanah) ini sebenarnya tidak boleh diambil kira kerana transaksi itu belum selesai pada 2017.

"Semakan ini yang menyebabkan kelewatan terhadap penyata kewangan LTAT bagi tahun berakhir 2018 dan mungkin dibuat pada Jun atau Julai ini, untuk memastikan teguran Jabatan Audit Negara diambil kira sebaik mungkin, sebab penyata kewangan LTAT bagi 2017 dan 2018 hendaklah dikaji semula untuk

dipersembahkan kepada kita (di Dewan Rakyat)," katanya.

Selain itu, Mohamad berkata, kemerosotan harga pasaran bagi dua saham sekuriti pegangan LTAT berjumlah RM88.9 juta tidak diambil kira dalam penyata kewangan 2017.

Beliau berkata, rangkaian semakan terbabit adalah punca utama yang menyumbang kepada kelewatan terhadap penyata kewangan LTAT, bagi tahun berakhir Disember 2018.

Katanya, langkah berhati-hati sebelum mengemukakan perincian kedudukan kewangan lembaga berkenaan terpaksa diambil supaya menjamin ketepatan butiran, selain mengelak isu salah lapor daripada berulang.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera), mengenai status penjualan Hotel Royale Chulan Bukit Bintang, Mohamad berkata, keputusan akhir perkara itu hanya akan diputuskan oleh Unit Perancang Ekonomi.